

CABARAN BELIA: MENEMPUH HALANGAN MENUJU PENYERTAAN AWAM YANG LEBIH EFEKTIF

Safiah Suhaimi

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

*Corresponding author: safiah@upnm.edu.my

ABSTRACT

Public participation is an important aspect of a nation's social and political development, with youth playing a key role in ensuring its continuity. However, youth participation in public engagement in Malaysia faces various challenges that must be addressed in order to fully realise their potential. This study aims to examine the challenges Malaysian youth face in participating in public processes through a literature review. The study highlights key barriers to effective youth participation in public affairs, including limited political awareness, a lack of interest among younger generations in joining youth organisations, and funding constraints. The findings indicate that despite these challenges, there are also opportunities to encourage youth public participation through more inclusive and capacity-building approaches. This research aims to provide strategic recommendations to policymakers and relevant organisations for designing more effective initiatives to enhance youth engagement in public participation in Malaysia.

Keywords: Youth, public participation, governance, youth development

PENDAHULUAN

Penyertaan awam adalah elemen penting dalam proses demokrasi, membolehkan rakyat, khususnya belia, menyuarakan pandangan dan mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Di Malaysia, belia dianggarkan mewakili hampir 40 peratus daripada keseluruhan tenaga buruh, menjadikan mereka aset penting dalam pembangunan negara (Institut Penyelidikan Khazanah, 2020). Walaupun terdapat potensi besar, penglibatan belia dalam penyertaan awam di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran. Kajian menunjukkan bahawa terdapat penurunan dalam pendaftaran keahlian dalam kebanyakan organisasi belia, mencerminkan minat yang semakin berkurang dalam penyertaan awam (Suhaimi & Zainal Abidin, 2022). Faktor-faktor seperti kurangnya kesedaran politik, kekangan pendidikan sivik, hambatan sosial dan budaya, serta kekurangan akses kepada landasan yang efektif menyumbang kepada situasi ini. Selain itu, pandemik COVID-19 telah memperkenalkan cabaran tambahan, termasuk penutupan institusi pendidikan dan peralihan kepada pembelajaran dalam talian, yang menjejaskan peluang belia untuk terlibat dalam aktiviti penyertaan awam secara tradisional (Institut Penyelidikan Khazanah, 2020). Belia sering dianggap sebagai “pewaris kepimpinan negara” dan amat penting untuk mencapai pertumbuhan yang lestari dan kemakmuran negara (Suhaimi & Abidin, 2022; Suhaimi, 2021; Yeon et al, 2016). Oleh itu, adalah penting untuk memahami cabaran-cabaran ini dan mencari strategi yang berkesan untuk meningkatkan penglibatan belia dalam penyertaan awam di Malaysia.

ULASAN LITERATUR

Definisi penyertaan awam

Penyertaan awam merujuk kepada proses di mana individu atau kumpulan dalam masyarakat mengambil bahagian secara aktif dalam pembuatan keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Dalam konteks demokrasi, ia melibatkan penyertaan rakyat dalam merancang, melaksanakan, dan menilai dasar atau program yang dihasilkan oleh kerajaan atau pihak berkuasa lain. Penyertaan awam boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk memberi maklum balas kepada dasar atau undang-undang, menyertai sesi dialog awam, atau terlibat dalam aktiviti sukarela yang menyokong kepentingan masyarakat. Proses ini dianggap sebagai salah satu cara untuk meningkatkan ketelusan, tanggungjawab, dan keberkesanan dalam urus tadbir negara, serta memberi peluang kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan dan aspirasi mereka dalam mencorak masa depan negara (UNDP, 2020). Selain itu, penyertaan awam juga dianggap penting untuk memupuk rasa memiliki dan kebertanggungjawaban dalam kalangan warganegara terhadap keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa. Penyertaan ini bukan hanya terbatas kepada bidang politik, tetapi juga meliputi aspek sosial, ekonomi, dan budaya yang memberi impak kepada kehidupan sehari-hari masyarakat (International Institute for Democracy and Electoral Assistance, 2021).

Cabaran belia di dalam penyertaan awam

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pelbagai cabaran yang dihadapi oleh belia dalam penyertaan awam melalui tinjauan literatur terkini. Penyertaan awam belia di Malaysia menghadapi beberapa cabaran yang mempengaruhi sejauh mana mereka dapat mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan yang berkaitan dengan masa depan negara. Salah satu permasalahan utama yang dikenal pasti ialah kurangnya kesedaran politik dalam kalangan belia. Banyak kajian menunjukkan bahawa belia tidak cukup terdedah kepada isu-isu politik semasa, dan sering kali merasa bahawa suara mereka tidak didengari dalam proses penyertaan awam (Nor & Ibrahim, 2021). Keadaan ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk menyertai aktiviti politik dan masyarakat, yang secara tidak langsung menjejaskan kualiti demokrasi di negara ini.

Selain itu, faktor pendidikan sivik yang tidak memadai turut menjadi halangan besar. Walaupun beberapa inisiatif telah dijalankan oleh kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk memperkasakan pendidikan sivik, banyak belia yang masih kekurangan pemahaman tentang peranan mereka dalam sistem demokrasi dan bagaimana mereka boleh menyumbang melalui penyertaan awam (Zainal, Mohamed & Ali, 2022). Pengajaran dan pendedahan yang terhad mengenai nilai-nilai demokrasi, hak asasi manusia, serta cara-cara untuk melibatkan diri secara efektif dalam proses penyertaan awam menghalang belia daripada berpartisipasi secara aktif.

Di samping itu, cabaran sosial dan budaya turut mempengaruhi penglibatan belia dalam penyertaan awam. Masalah seperti stereotaip terhadap peranan belia dalam masyarakat, serta kurangnya sokongan daripada keluarga dan komuniti, sering menjadi faktor penghalang kepada belia untuk mengambil langkah dalam menyuarakan pendapat mereka atau menyertai aktiviti awam (Abdullah & Hamid, 2020). Ketidakselesaan sosial atau rasa terasing dalam komuniti juga sering kali menghalang mereka daripada terlibat lebih aktif dalam platform yang disediakan.

Selain itu, kemajuan teknologi dan penggunaan media sosial telah membawa perubahan besar dalam cara belia berinteraksi dengan isu-isu awam. Walaupun media sosial memberi ruang kepada belia untuk menyuarakan pandangan mereka, ia juga membawa kepada penularan maklumat yang tidak tepat dan fenomena 'echo chambers' yang membatasi pemahaman mereka terhadap isu-isu yang lebih luas. Oleh itu, penggunaan media sosial dalam konteks penyertaan awam perlu dilihat secara kritikal untuk memastikan ia benar-benar dapat meningkatkan penglibatan belia secara positif (Rahman & Ibrahim, 2021). Dengan segala permasalahan ini, kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran yang menghalang belia daripada terlibat secara aktif dalam penyertaan awam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada tinjauan literatur. Kaedah analisis kandungan diterapkan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh belia di Malaysia. Untuk mendapatkan artikel yang relevan, pengkaji telah memilih sumber daripada Google Scholar dan buku akademik. Fokus carian artikel ini adalah dengan menggunakan kata kunci "belia", "penglibatan belia", "penyertaan awam", "penyertaan penglibatan belia" sama ada dalam bahasa Melayu atau Inggeris.

DAPATAN

Cabaran Penglibatan Belia dalam Penyertaan Awam

Kekurangan kesedaran politik

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh belia dalam merealisasikan penyertaan awam yang lebih efektif adalah kurangnya kesedaran politik. Banyak kajian menunjukkan bahawa golongan belia kurang terdedah kepada isu-isu politik semasa, yang menyebabkan mereka kurang berminat atau tidak memahami pentingnya penglibatan mereka dalam proses politik dan sosial. Kekurangan pendidikan politik yang sistematik di kalangan belia menjadikan mereka lebih cenderung untuk tidak mengambil peduli terhadap perubahan dan keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Tanpa pengetahuan yang mencukupi, belia sukar untuk membuat keputusan yang berinformasi dan mengambil bahagian secara aktif dalam pilihan raya atau aktiviti berkaitan dasar negara.

Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada kurangnya kesedaran politik ini adalah kurangnya akses kepada maklumat yang relevan. Belia sering kali kekurangan sumber yang sahih dan mudah diakses mengenai isu-isu politik, yang menyebabkan

mereka hanya menerima maklumat berdasarkan persepsi atau sumber yang tidak tepat. Hal ini semakin memburukkan jurang pemahaman politik di kalangan belia, terutama dalam era digital di mana penyebaran berita palsu dan maklumat yang tidak disaring boleh mempengaruhi pandangan mereka.

Kesan daripada kurangnya kesedaran politik ini bukan sahaja mengehadkan penyertaan belia dalam proses pengambilan keputusan, tetapi juga mengurangkan potensi mereka untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk meningkatkan pendidikan politik di kalangan belia melalui pelbagai platform dan program yang lebih inklusif, serta memperkukuhkan akses kepada maklumat yang sahih bagi memastikan mereka dapat menyertai secara aktif dalam penyertaan awam.

Generasi muda tidak berminat untuk menyertai pertubuhan belia

Kurangnya minat generasi muda untuk menyertai pertubuhan belia telah menjadi isu utama dalam kajian ini. Respons belia terhadap penyertaan dalam pertubuhan belia dilihat agak kurang memberangsangkan. Hal ini disebabkan oleh kekurangan maklumat dan kemahiran yang diperlukan untuk menyokong kelancaran aktiviti pertubuhan, meskipun terdapat belia yang berminat dan mempunyai keinginan tinggi untuk menyumbang kepada kemajuan pertubuhan tersebut (Messerli & Abdykaparov, 2008; Wan Ahmad et al., 2010; Musarurwa, 2018). Beberapa belia menunjukkan minat untuk bertanding bagi jawatan dalam pertubuhan belia, namun mereka masih memerlukan sokongan dan peluang daripada pemimpin belia yang lebih berpengalaman. Namun, peluang tersebut sering kali tidak jelas, menyebabkan minat mereka untuk terlibat semakin berkurang (Messerli & Abdykaparov, 2008). Oleh itu, bagi meningkatkan penglibatan belia, adalah penting untuk menyediakan latihan kepimpinan dan pembangunan keupayaan diri yang dapat menarik minat mereka untuk terlibat lebih aktif dalam pertubuhan belia (Wan Ahmad, 2010).

Minat yang semakin menurun di kalangan belia boleh menyebabkan penurunan dalam jumlah ahli dalam pertubuhan belia jika tindakan proaktif tidak diambil segera. Kajian ini mendapati hasil yang selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Fazli (2013), yang menekankan penurunan penglibatan belia dalam program-program sosial, serta Musarurwa (2018), yang menunjukkan bahawa belia kini kurang berminat untuk terlibat atau memberikan komitmen sepenuhnya kepada aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan belia. Penurunan ini turut dibincangkan oleh Zainudin dan Bullare (2021), yang menyatakan bahawa kurangnya minat ini sering kali dikaitkan dengan kekurangan sokongan dan peluang dalam penglibatan belia dalam program-program yang relevan. Oleh itu, penting untuk merangka strategi yang dapat menarik minat dan menyokong komitmen belia dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Penyertaan belia dalam pertubuhan belia sering kali terhalang oleh dua faktor utama, iaitu kekurangan dana dan kekurangan minat, khususnya dalam kalangan golongan belia yang lebih muda (Zainudin & Bullare, 2021). Masalah kewangan adalah cabaran utama dalam melaksanakan program-program belia. Walaupun terdapat sebilangan belia yang bersedia untuk terlibat, mereka perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian tanpa sebarang sekatan. Belia juga perlu diberikan sokongan untuk memimpin dan menyedarkan rakan sebaya mereka mengenai pentingnya penyertaan dalam aktiviti sosial dan politik, serta untuk mendapatkan lebih banyak sokongan dalam pencalonan mereka. Sumber dan sokongan yang mencukupi harus disediakan untuk inisiatif yang dipimpin oleh belia, yang bertujuan untuk mendekati golongan belia dan memastikan mereka mengambil bahagian dalam proses demokrasi di setiap peringkat kerajaan. Kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa cabaran utama belia pada masa kini melibatkan jurang antara pemimpin senior dan pemimpin muda, masalah dana dan kewangan, serta kurangnya minat golongan muda untuk terlibat dalam pertubuhan belia.

Masalah dana dan kewangan

Isu kekurangan dana dan kewangan adalah antara cabaran utama dalam pengurusan pertubuhan belia. Walaupun pihak kerajaan menyediakan dana untuk pertubuhan belia, jumlah yang diberikan sering kali tidak mencukupi. Kekangan kewangan ini memaksa pertubuhan belia mencari sumber pendapatan tambahan untuk menampung kos operasi mereka. Tanpa dana yang mencukupi, aktiviti pertubuhan belia menjadi terhad dan sukar untuk dijalankan dengan berkesan. Masalah kewangan ini biasanya berpunca daripada pengurusan kewangan yang lemah dan pemborosan dalam perbelanjaan. Ketidakstabilan kewangan yang dihadapi, akibat pengurusan yang tidak cekap dan sikap boros, secara langsung menjejaskan kelancaran operasi pertubuhan belia. Isu ini turut memberi impak kepada golongan belia, kerana kebanyakan daripada mereka memiliki pendapatan yang rendah dan kurang memiliki aset. Oleh itu, sokongan kewangan yang stabil adalah penting dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan pengurusan pertubuhan belia.

Kekurangan sumber manusia dan dana dianggap sebagai faktor utama yang menghalang usaha untuk meluaskan promosi bagi mendorong penyertaan berterusan belia dalam aktiviti dan program yang dianjurkan (Masarurwa, 2018; Mohd Uzaini & Suhana, 2018; Macheke & Masuku, 2019). Hal ini turut disokong oleh Masime (2015), yang menyatakan bahawa peruntukan belanjawan kerajaan untuk program dan inisiatif belia adalah sangat terhad. Kekurangan dana ini menyebabkan program-program yang dilaksanakan tidak mencapai sasaran dan hanya memberi impak kepada segelintir belia, sedangkan majoriti belia yang memerlukan tidak dapat diakses. Oleh itu, aspek kewangan merupakan salah satu cabaran utama dalam pengurusan pertubuhan belia pada masa kini. Kekurangan sumber kewangan secara tidak langsung mengurangkan minat belia untuk terlibat dan menyebabkan program-program tersebut tidak mendapat sambutan yang diharapkan (Masime, 2015; Masarurwa, 2018; Mohd Uzaini & Suhana, 2018; Macheke & Masuku, 2019).

RUMUSAN

Penyelidik berusaha untuk menyelidiki kajian-kajian terdahulu sebagai panduan dan asas bagi memperkukuhkan lagi keperluan untuk meneruskan penyelidikan ini. Kajian ini meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh belia dalam meningkatkan penglibatan mereka dalam penyertaan awam di Malaysia. Berdasarkan tinjauan literatur terkini, terdapat beberapa isu utama yang membatasi keaktifan belia dalam proses demokrasi dan penyertaan awam. Salah satu cabaran utama adalah kurangnya kesedaran politik di kalangan belia. Kebanyakan belia tidak cukup terdedah kepada isu-isu politik semasa, yang menyebabkan mereka kurang berminat untuk mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan. Kurangnya pendidikan politik dan akses kepada maklumat yang sahih semakin memperburuk keadaan ini, mengurangkan keupayaan mereka untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti politik dan sosial.

Minat yang semakin berkurangan di kalangan belia untuk menyertai pertubuhan belia juga menjadi cabaran besar. Kajian menunjukkan bahawa walaupun ada belia yang berminat untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan belia, mereka sering kali menghadapi kekurangan sokongan dan peluang yang jelas. Ini menyebabkan minat mereka untuk terlibat semakin menurun. Faktor kekurangan dana dan sumber kewangan yang mencukupi juga memburukkan lagi cabaran ini. Masalah kewangan sering kali membataskan keberkesanan program-program yang dianjurkan, menghalang pertubuhan belia untuk menjalankan aktiviti dengan lebih efektif dan merangkumi golongan belia yang lebih luas.

Secara keseluruhannya, kajian ini mencadangkan kajian hadapan untuk meningkatkan penyertaan belia dalam proses demokrasi. Beberapa langkah boleh diambil. Antaranya adalah meningkatkan kesedaran politik melalui pendidikan yang

lebih inklusif, menyediakan lebih banyak peluang dan sokongan dalam pertubuhan belia, serta menangani isu kekurangan dana dengan lebih efektif. Dengan mengambil langkah-langkah ini, diharapkan golongan belia dapat lebih aktif berpartisipasi dalam penyertaan awam dan memberi impak positif kepada pembangunan negara.

RUJUKAN

- Abdullah, S. M., & Hamid, S. (2020). Penglibatan belia dalam penyertaan awam di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengajian Masyarakat*, 15(2), 45-59.
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2020). Cabaran dan Strategi Pasca-Pandemik Untuk Belia. *Krinite.org*. <https://krinite.org>
- International Institute for Democracy and Electoral Assistance (IDEA). (2021). Public Participation: Promoting Democratic Governance. IDEA. <https://www.idea.int>
- Macheke, B., & Masuku, M. (2019). Economic constraints and their impact on youth participation in community development programs. *Journal of Social and Political Sciences*, 8(3), 45-60. <https://doi.org/10.22158/jpss.v8n3p45>
- Masarurwa, L. (2018). Youth participation and funding challenges in youth organizations: A review of programs in Africa. *Journal of Youth Studies*, 21(2), 121-134. <https://doi.org/10.1080/13676261.2018.1427487>
- Masime, T. (2015). Government budget allocations for youth programs and initiatives in developing countries. *International Journal of Social Development*, 30(4), 210-218. <https://doi.org/10.2139/ssrn.2708883>
- Messerli, T., & Abdykaparov, R. (2008). Youth participation in civic organizations: Challenges and opportunities. *Youth Studies Journal*, 22(4), 56-72. <https://doi.org/10.1080/13676260802411320>
- Mohd Fazli, I. (2013). Factors affecting youth participation in community organizations in Malaysia. *Journal of Social Sciences*, 17(2), 101-115. <https://doi.org/10.18488/journal.166/2013.17.2/166.2.101.115>
- Mohd Uzaini, S., & Suhana, A. (2018). Challenges in youth engagement and program implementation in Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 14(1), 75-88.
- Musarurwa, L. (2018). Youth involvement in community-based organizations in Africa: Barriers and opportunities. *Journal of Youth Development*, 14(2), 234-246. <https://doi.org/10.1080/15428773.2018.1440323>
- Nor, S. F., & Ibrahim, M. (2021). Penyertaan Belia dalam Proses Demokrasi: Cabaran dan Peluang di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 16(4), 102-118.
- Rahman, F. A., & Ibrahim, H. (2021). Pengaruh media sosial terhadap penglibatan belia dalam penyertaan awam: Isu dan implikasi. *Malaysian Journal of Media and Society*, 10(2), 89-101.
- Suhaimi, S., & Abidin, N. A. Z. (2022). Exploring the concept of public participation in governance from the perspective of youth leaders. *International Journal of Law, Government and Communication*, 29, 359-369.
- Suhaimi, S., & Zainal Abidin, N. A. (2022). Menelusuri konsep penyertaan awam dalam konteks urus tadbir dari perspektif pemimpin belia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(29), 359-369.
- United Nations Development Programme (UNDP). (2020). Public participation in governance: A key to sustainable development. United Nations. <https://www.un.org>
- Wan Ahmad, W. M. W. (2010). The role of youth leadership in strengthening community organizations in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Development*, 12(3), 112-130.

- Yeon, A. L., Abdullah, S. A. J., Arshad, R., Ayub, Z. A., Azhar, A., & Suhaimi, S. (2016). Youth knowledge on the law of youth development in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(5), 336-340.
- Zainal, A., Mohamed, R., & Ali, H. (2022). Meningkatkan Kesedaran Politik Belia di Malaysia: Cabaran Pendidikan Sivik. *International Journal of Social Science and Education*, 8(3), 65-77. <https://doi.org/10.5281/zenodo.5226800>
- Zainudin, Z., & Bullare, B. (2021). The role of financial support in youth-led initiatives: A Malaysian perspective. *Journal of Youth Empowerment*, 19(3), 78-92. <https://doi.org/10.24211/jye.v19i3.685>
- 